

D.Y.M.M. Baginda Queen kurniakan bintang C.M.G. kpd. T.Y.T. P'jaya Tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen samasa lawatan baginda ka-Brunei baru2 ini, telah mengurniakan bintang Commander of Saint Michael and Saint George — C.M.G. kepada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Peter Gautrey.

Setia Usaha Pertama di-Pejabat Surohan-jaya itu, Awang J.E.T. Thorne, di-kurniakan bintang M.V.O., Kelas Pertama.

Semasa bertukar2 hadiah, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah menghadihkan sa-pasang kedudukkan dian yang diperbuat dari perak; sa-buah buku berjilidkan kulit mengenai Istana Buckingham dan sa-pasang gambar photo dengan frame perak, kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Baginda Queen juga telah menghadihkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri satu kerongsang emas dan berlian dan menghadihkan satu kotak rokok yang di-perbuat dari perak dan satu gambar photo kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

D.Y.M.M. berangkat menyaksikan lumba perahu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat menyaksikan lumba perahu di-Sungai Brunei pada minggu lepas yang di-adakan kerana mengalu2kan lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei.

Di-sebelah pagi-nya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat menyaksikan perlombongan perahu di-Sungai Brunei pada minggu lepas yang di-adakan kerana mengalu2kan lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei.

(Lihat Muka 8)



Pendaftaran kanak2 masuk ke-sekolah2 Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran kanak2 baru masuk ka-sekolah2 Melayu di-seluruh negeri bagi tahun 1973 di-mulakan dalam bulan ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, pendaftaran itu ia-lah bagi kanak2 yang di-lahirkan sa-belum 1hb. Januari, 1968.

Juruchakap itu menasihati-ibu2 bapa dan penjaga kanak2 yang ingin menghantarkan anak2 mereka ka-sekolah2 tahun hadapan supaya mendaftarkan anak2 mereka kepada guru2 besar sekolah2 Melayu yang berhampiran dengan rumah mereka.

Pendaftaran akan di-tutup pada 30hb. Jun tahun 1972.

Kanak2 yang di-daftarkan itu akan di-terima masuk ka-sekolah2 dua minggu sa-lepas penggal pertama persekolahan di-buka tahun hadapan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai empat belas orang penuntut telah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan yang di-adakan tahun lalu.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan kelihatan sedang menerima piala dari Sir Roland B. Scott.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah mengetuai pasukan Ketua2 Jabatan Kerajaan yang telah mengalahkan pasukan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2 dalam perlawanan bola sepak yang telah berlangsung di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada minggu lepas. Pasukan tersebut telah menang dengan 4 gol berbalas 3.

Perlawanan itu di-adakan sabagai salah satu acara sambutan perayaan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Kemenangan bagi pasukan Ketua2 Jabatan Kerajaan telah di-jaringan oleh Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar tiga gol dan P.M. Sharifuddin satu gol.

Sementara gol bagi pasukan Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2 pula di-jaringan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu dua gol dan Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana menjaringkan satu gol.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ada-lah diantara yang menyaksikan perlawanan tersebut.

AHLI2 J'KUASA DERMASISWA YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Enam orang ahli Jawatankuasa Dermasiswa Negeri Brunei bagi perkhidmatan tahun 1972 dan 1973 telah dilantik baru2 ini.

Pengarah Pelajaran Negeri Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes dilantik sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa itu, sementara Awg. Hamdani bin Haji Abd. Rahman, Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan di-lantik menjadi Setia Usaha.

Lain2 ahli dalam jawatankuasa itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Mohd. Taib, Awang Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman dan Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof.

Menurut Warta Kerajaan yang mensahkan lantikan itu baru2 ini, jawatankuasa itu akan melaksanakan tugas2 mereka untuk menimbang dan memeriksa semua permohonan2 bagi mendapatkan dermasiswa2.

Mereka juga akan mengemukakan sukongan2 kepada Kerajaan atas pengurniaan dermasiswa2 tempatan dan dermasiswa2 yang boleh di-beri bagi maktab, sekolah tinggi atau universiti2 seberang laut.

Jawatankuasa itu juga bertanggung-jawab bagi menimbangkan pengurniaan dermasiswa2 dan bantuan2 yang bo-

(Lihat muka 5)

Pepereksaan HSC / STP: 14 orang dapat sijil penoh

Sa-ramai 107 orang calon dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Saint Michael-Ser'a dan Maktab Melayu Seri Begawan di-Jalan

Muara mengambil pepereksaan itu.

Dari Maktab SOAS, sa-ramai 57 orang calon meng-

(Lihat Muka 5)



Keputusan penoh pepereksaan HSC/STP

BERIKUT ialah keputusan penoh pepereksaan HSC/STP yang telah di-adakan tahun lepas. Dari 107 orang chalu dari tiga buah sekolah di-negeri ini yang mengambil pepereksaan tersebut, 14 orang mendapat sijil penoh, 92 orang mendapat G.C.E. dan sa-orang gagal dalam semua mata pelajaran. Dari 61 orang chalu persendirian yang memasuki pepereksaan itu, 2 mendapat sijil penoh; 54 mendapat G.C.E. dan lima gagal dalam semua mata pelajaran.

MAKTAB S.O.A.S. BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Abdul Kahar bin Hj. Md. Taha — G.C.E.; Abdul Latif bin Hj. Pozan — G.E.C.; Anthony Liew Yun Chiang — Sijil Penoh; Chew Heng Kiat — Sijil Penoh; Daniel Keasberry — G.C.E.; Harry Lim Tiong San — G.C.E.; Humphrey Chin Tsun Lok — Sijil Penoh; Lai Kim Chuan — G.C.E.; Ling Eng Song — G.E.C.

Loo Hock Kong/Lu Hock Yong Sijil Penoh; Md. Jidin bin Murad — G.C.E.; Mohd. Ramzi bin Md. Sulaiman — G.E.C.; Ong Chu Tong/Ong Chang Chung — G.C.E.; Pang Ching Son — G.C.E.; Tajudin bin Hj. Kasah — G.C.E.; W.A.A.D.N. Sri Marius Perera Sijil Penoh; Ak. Damit bin Pg. Besar — G.C.E.; Ak. Omar Ali bin Pg. Anak Hashim — G.C.E.; Ak. Tajuddin bin Pg. Md. Daud — G.C.E.

Ang Boon Kui/Hosen Bolhassan Sijil Penoh; Ariffin bin Hj. Md. Noor — G.C.E.; Asmah bte. Zaini — G.C.E.; Awg. Mohammed bin Hj. Metahir — G.C.E.; Bennett A. Keasberry — G.C.E.; Bolhassan bin Kamarudin — G.C.E.; Hashim bin Kalong — G.C.E.; Hassim bin Matsah — G.C.E.; Hatta bin Seli — G.C.E.; Ibrahim bin Timbang — Sijil Penoh.

Kariah b. Taha/Zakaria — G.C.E.; Letapi bin Jemel — G.C.E.; Lim Hoon Hui — Sijil Penoh; Mahmud Morshidi b. Awg. Othman — G.C.E.; Mohamed bin Hamdi — G.C.E.; Naruddin bin Hj. Md. Hussaini — G.C.E.; Nelson Chong Chong Tuan — G.C.E.; Nordeen Ibrahim — G.C.E.; Sabtu b. Timbang — G.C.E.; Sh. Fatimah bte. Syed Haron — Sijil Penoh; Sh. Zainah bte. Syed Ib. Altaahir — G.C.E.

Sherkawi bin Jirim — Sijil Penoh; Siang Ak. Gibang — G.C.E.; Sumadi bin Sukaimi — G.C.E.; T. Vishnupaiva — Sijil Penoh; W.A.A. Don Sri Maenus Perera — G.C.E.; Zainal Abidin bin

Abd. Hamid — G.C.E.; Zainal Abidin bin Mohd. Gimbar — G.C.E.; Zainal Abidin bin Tinggal — G.C.E.; Abu Bakar bin Awang Othman — G.C.E.

Edward King — G.C.E.; Matzan Abdul Ghani — G.C.E.; Osman Abdul Salam — G.C.E.; Shim Jui Lee — G.C.E.; Shuhaime bin Awang Besar — G.C.E.; Tarip bin Mat Yassin — G.C.E.; Zainal bin Hj. Md. Daud — G.C.E.

SEKOLAH ST. MICHAEL, SERIA.

Benjamin Carlyle Peters — G.C.E.; Bennet Innocent/Majaham — G.C.E.; David Yee Fook Chiew — G.C.E.; James Ho — G.C.E.; Joseph Yang Bit Kong — G.C.E.; Lou's Ngui — Sijil Penoh; Low Swee Lan/Rebecca Lau — G.C.E.; Ngui Kwang Phek — G.C.E.; Robert Chong Foo Jies — G.C.E.; Sylvester Chang Nyuk Thin — G.C.E.; Tan Oo Buan/Eddie Albert — G.C.E.; Liaw Chai Fah — G.C.E.; Lim Pak Soon — Sijil Penoh; Lim Yee Lan — G.C.E.; Ng Kaim Fui — Sijil Penoh; Teresa Wong Ling Ming — G.C.E.; Varini Wanigartnam — G.C.E.; Perinpanatham Mailvaganam — G.C.E.

MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA.

Abdullah bin Hj. Metussin — G.C.E.; Ak. Ahmad bin Pg. Burut — G.C.E.; Ak. Kahar bin Pg. Besar — G.C.E.; Ayup bin Hamid — G.C.E.; Azahari bin Awg. Ahmad — G.C.E.; Badar bin Ali — G.C.E.; Gira Anak Ujan — G.C.E.; Ismail bin Md. Salleh — G.C.E.; Ismail bin Mohamad — G.C.E.; Jenal bin Ali — G.C.E.

Mashud bin Hj. Amzah — G.C.E.; Matussin bin Hj. Md. Tahir — G.C.E.; Md. Adam bin Hj. Khatam — G.C.E.; Md. Nor bin Ahmad — G.C.E.; Md. Jaafar bin Ahmad — G.C.E.; Md. Jinin bin Hj. Jaya — G.C.E.; Mustapa bin Burut — G.C.E.; Phang Jong Nam — G.C.E.; Razali bin Ahmad — G.C.E.; Sulaiman bin Jamudin — G.C.E.

Sahari bin Ibrahim — G.C.E.; Saifon bin Awg. Besar — G.C.E.; Serudin bin Baha — G.C.E.; Zaini bin Sulaiman — G.C.E.; Dy. Safiah bte. Hj. Mahmud — G.C.E.; Isah bte. Masnin — G.C.E.; Jamilah bte. Hj. Umar — G.C.E.; Junidah bte. Yahya — G.C.E.

Kartini bte. Shuib — G.C.E.; Norhari bte. Md. Noor — G.C.E.; Rokiah/Rahmah bte. Md. Salleh — G.C.E.; Shahrani bte. Abg. Hj. Ghazalli — G.C.E.

CHALUN PERSENDIRIAN

Abdul Kadir Cheku — G.C.E.; Abd. Rahman Metali — G.C.E.; Aliakbar bin Bakar — G.C.E.; Awg. Suhaini bin Md. Hassan — G.C.E.; Awg. Damit bin Ibrahim — G.C.E.; Harbhajan Kaur — G.C.E.; Jamaliah bte. Jambol — G.C.E.; Jasdi bin Md. Jamil — G.C.E.; Ibrahim bin Md. Said — G.C.E.; Lim Eoon Se — G.C.E.

Md. Husain bin Abd. Rahman — G.C.E.; Md. Said bin Md. Salleh — G.C.E.; Mohammad bin Ghazalli — G.C.E.; Misbak bin Hj. Yusof — G.C.E.; Noor Affendi bin Hj. Abd. Muti — G.C.E.; Ghazali bin Mat Ariff — G.C.E.; Zaili bin Yusof — G.C.E.; Abd. Ghani bin Bujang — Sijil Penoh; Baba bin Arshad — G.C.E.; Bella Foo — G.C.E.

Paul Lai Hon Tian — G.C.E.; Awg. Mustapa bin Murni — G.C.E.; A. Nordin bin Hj. Tengah — G.C.E.; Antin bin Ahad — G.C.E.; Aliakbar bin Ibrahim — G.C.E.; Ak. Zainal bin Pg. Talib — G.C.E.; Ak. Razak bin Pg. Ahmad — G.C.E.; Ak. Duraman bin Pg. Baha — G.C.E.; A. Mohsin bin Abu Bakar — G.C.E.; Alit Malek bin Ag. Tengah — G.C.E.

Ahmad bin Kadi — G.C.E.; Ak. Razez bin Pg. Hj. Abd. Rahman — G.C.E.; Ak. Salleh bin Pg. Apeng — G.C.E.; Md. Thani bin Mohammad — G.C.E.; Baharum bin A. Yaakub — G.C.E.; Bolhassan bin Ibrahim — G.C.E.; Chuchu bin Tasim — G.C.E.; Fatimah bte. Sahari — G.C.E.; Hambali bin A. Tengah — G.C.E.; Hj. Ahmad bin Hj. Sapar — G.C.E.

Ismail bin Md. Talib — Sijil Penoh; Jawawi bin Ahmad — G.C.E.; Mohd. Noor bin Chuchu — G.C.E.; Mohammad bin Taha — G.C.E.; Aliddin bin Abd. Ghani — G.C.E.; Maddin bin Ahmad — G.C.E.; Muhammad bin Abd. Latif — G.C.E.; Norfish bte. Jirim — G.C.E.; Ramli bin Umar — G.C.E.; Sabullah bin Haki — G.C.E.

Suhaili bin Hj. Omar — G.C.E.; Sharifah Dorah bte. Mohamed — G.C.E.; Sharifah Nor bte. Sved Ibrahim — G.C.E.; Sumiah bte. Alias — G.C.E.; Umar bin Ahai — G.C.E.; Zaman bin Awg. Damit — G.C.E.

PERSATUAN Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan mesuarat agongnya London baru2 ini. Sa-lain dari membincangkan berbagai2 perkara, mesuarat itu juga telah memilih ahli2 jawatan-kua baru untuk mentadbir persatuan itu bagi tahun 1972/73.

Gambar kiri menunjukkan ahli2 yang baru di-pilih dalam mesuarat itu. Pengenalan gambar berdiri dari kiri: Razali bin Haji Omar Ali, (Setua Usaha Pertama); Suyoi Osman; (Penolong Setia Usaha Sosial); Sofia Taha, (Pen Setia Usaha Sukan); Musdi Gapar, (Setia Usaha Sosial); Abd. Latif bin Haji Ibrahim, (Pen. Pegawai Penerangan); dan Sulaiman Buntar, (Pen. Pegawai Kebajikan).

Duduk dari kiri: Pg. Yura Laila bin Pg. Setia Negara Pg. Hj. Md. Yusuf, (S/U Sukan); Dk. Fatimah binte Pg. Setia Jaya Pg. Hj. Momin, (Pen. Bendahari); Ak. Metussin bin Pg. Metassan, (Pegawai Kebajikan); Sapawi Bolhassan, (Setia Usaha Agong); Ahmad Matnor, (Presiden); Yakob Bakar, (Naib Presiden); Sukarni Hj. Kadir, (Naib Presiden Perempuan) dan Azahari Ali, (Pen. S/U Kedua).

Pemilihan chalu Penghulu Mukim Bangar

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — Penduduk2 Mukim Bangar di-Daerah Temburong akan berhimpun di-Bilek Mesuarat Pejabat Daerah di-Pekan Bangar pada hari Sabtu 18 Mach untuk memilih chalu2 bagi sa-orang Penghulu Pangkat Satu bagi Mukim Bangar.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Hj. Mohamed Jaafar berkata, semua penduduk2 di-kawasan itu yang berumur 21 tahun keatas ada-lah di-minta hadir pada hari itu jam 9.00 pagi. Awang Abdullah berkata, sa-orang chalu bagi jawatan itu mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan yang berumur di-antara 30 dan 45 tahun.

Pemohon2 itu mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan tinggal di-kawasan itu.

Chalu2 itu mesti-lah bukan sa-orang pegawai kerajaan atau kakitangan sa-ba-rang firma atau badan perniagaan.

Berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Chuchu bin Panglima Asgar Haji Abdullah telah berlepas dengan kapal terbang ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk menjalani kursus mengenai semua aspek pentadbiran perubatan dan perkara2 yang berhubung dengan kesihatan.

Awang Chuchu akan mengikut kursus itu di-Pesekutuan Rumah Sakit Antara Bangsa di-London sa-lama tiga bulan.

SEKARANG kita berada di-permulaan tahun Hijrah dan untok paduman menghadapi masa akan datang Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang bermaksud :

“Wahai manusia, sesungguhnya bagi tiap2 kamu ada tanda perjalanan-nya, maka berhenti-lah kamu ketika melihat angka pada tanda2 perjalanan kamu itu. Dan bagi kamu ada perhentian terakhir yang mesti kamu berhenti di-situ, ingat-lah bahawa tiap2 hamba Allah ini sentiasa berada diantara dua ketakutan ia itu masa lampau yang telah tempoh yang ia-nya tiada tahu bagaimana penerimaan Allah terhadap-nya dan ajal yang tinggal yang hamba itu tiada pula mengetahui apakah yang akan di-perbuat Allah pada-nya. Dari itu sediakanlah perbekalan untok akhiratmu dari dunia ini dan dari kehidupan sekarang untok kehidupan akhirat dan sa-sudah mati tidak ada lagi masa untok meminta ma'af”.

Tanda2 perjalanan yang disabdakan oleh Nabi itu adalah banyak, dari pagi sampai petang satu tanda perjalanan kecil. Dari minggu hingga ka-minggu satu tanda perjalanan. Dari bulan ka-sebulan satu tanda perjalanan. Dari tahun ka-tahun satu tanda perjalanan yang lain pula. Dari masa kecil hingga remaja satu tanda perjalanan yang lain pula. Dari masa kecil hingga remaja satu tanda perjalanan. Dari ketika remaja hingga dewasa satu tanda perjalanan. Dari masa dewasa hingga tua satu tanda perjalanan. Dari masa tua hingga tua bangka satu tanda perjalanan pula dan akhir-nya berhenti di-tanda jalan yang terakhir yang bernama mati. Dari itu Saidina Umar ibnu Al-Khatib pernah berkata: “Buatlah perhitong-

an untok diri kamu masing2 sa-belum melihat perhitongan Tuhan pada hari Mahshar kelak terhadap kamu”.

Untok membuat chontoh dari perhitongan kita itu Allah Subhanahu - Wataala d a l a m firman-nya telah menganjorkan sa-bagai berikut:

“Untok orang2 yang beriman bertakwa-lah kamu kepada Allah dan hendak-lah tiap2 diri melihat apakah yang telah dia lakukan serta siapkan untok hari esok (hari kiamat) dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu amat mengetahui apa2 yang kamu usahakan”.

TIDAK ADA MASA DI-AKHIRAT UNTOK MENEBUS KERUGIAN



KHUTBAH JUMA'AT

“Kita di-dunia ini hendak-lah membuat perhitongan terhadap diri sendiri, sa-belum Allah mengadakan perhitongan amal kita di-akhirat kelak”

Kita hidup di-dunia ini adalah ibarat orang berniaga, sa-tiap akhir tahun ia akan menutup buku kira2 yang lama dan di-awal tahun membuka buku kira2 yang baru. Buku lama di-tutup bukan hanya sekadar di-tutup sahaja, akan tetapi di-lihat dan di-periksa ten-

tang untong rugi-nya. Kalau terdapat kerugian, maka di-jadikan-lah peringatan untok tahun yang akan datang supaya jangan mendapat rugi lagi. Dan kalau mendapat untong maka di-ikhtiharkan-lah supaya pada tahun akan datang mendapat untong lebih banyak lagi. Atau sa-kurang2-nya jangan sampai mendapat untong kurang dari tahun yang lalu.

Demikian-lah, hendaknyalah kita di-dunia ini, membuat perhitongan amal kita di-akhirat kelak kerana pada hari itu sudah tidak dapat lagi berikhtihar dan berusaha buat menambahkan keuntongan atau buat menebus kerugian.

Oleh yang demikian bersempena dengan tahun baru Hijrah ini mari-lah kita sama2 membuat perhitongan tentang untong dan rugi dalam pertukaran tahun baru sekarang ini, buat menghadapi masa yang panjang di-akhirat kelak, mudah2an Allah selamatkan kita di-dunia dan di-akhirat. Amin ya rabal alamin.

1,092 masok pereksa Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,092 orang penuntut kelas dewasa ugama telah mengambil peperiksaan anjoran Jabatan Hal Ehwal Pgama Bahagian Pelajaran Dewasa, di-bebebrapa buah pusat dalam bulan lepas.

Sa-ramai 371 orang penuntut mengambil peperiksaan perangkat permulaan dan 721

lain-nya mengambil peperiksaan itu dalam perangkat menengah.

Sementara itu, 561 orang penuntut juga telah mengambil peperiksaan membaca Al-Quran pada 25 Februari lepas. 430 daripada-nya di-Daerah Brunei-Muara; 49 Tutong; 56 di-Belait dan 26 di-Daerah Temburong.



SA-BUAH kedai menjaul berbagai jenis barang2 di-Jalan Chavelier di-Bandar Seri Begawan telah musnah akibat kebakaran yang berlaku awal2 suboh hari Rabu lepas.

Empat buah kereta bomba telah di-kejarkan ka-tempat itu untok melawan kebakaran tersebut dan berjaya menegag api kebakaran itu dari merebak ka-tempat lain (gambar atas).

Sebab2 kebakaran itu tidak di-ketahui.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8hb. Mach, 1972 hingga ka-hari Selasa 14hb. Mach, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
8hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14 6-29
9hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14 6-29
10hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14 6-29
11hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12 6-27
12hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12 6-27
13hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12 6-27
14hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12 6-27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(8hb. Mach, 1972).

ANTARA SIKAP YANG DI-ALU2KAN

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei telah menyatakan penghargaan-nya yang tinggi terhadap sikap dan usaha Umat Islam yang berjuang untuk meninggikan shi'ar Islam dan menanamkan semangat keIslaman di-kalangan rakyat negeri ini.

Beliau memuji sikap sa-orang yang di-anggap sa-bagai pengasas penubuhan Sekolah Ugama Kampong Lurong Dalam yang menurut beliau telah memoktikan usaha-nya untuk memajukan sekolah itu tanpa mengira penat lelah, malah mengorbankan wang dan tenaga-nya untuk kepentingan pelajaran anak2 Islam di-kampong ayer.

Beliau menyeru kepada ibu bapa di-sekitar kampong ayer, khas-nya kepada mereka yang mempunyai anak yang turut belajar di-sekolah itu supaya membantu penganjor penubuhan sekolah itu untuk lebih memesatkan kemajuan-nya.

Berbangkit dari ucapan beliau itu, kita berkesempatan menyaksikan keadaan sekolah itu yang mana kekurangan-nya masih banyak yang perlu di-atasi seperti keadaan bangunan dan peralatan-nya.

Tetapi, sa-suatu yang amat menggalakkan dan sa-memangnya mendukung hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk memesatkan dunia pelajaran ugama di-negeri ini ialah sumbangan yang di-tunjukkan oleh Jabatan yang berkenaan yang sa-chara langsung telah mengarahkan kepada pegawai-nya yang berkenaan supaya menghantar kelengkapan2 yang di-pinta yang di-fikirkan penting dengan sa-chepat yang mungkin.

Sikap ini tidak hanya dapat memaju-pesatkan perkembangan pelajaran Ugama, tetapi juga dapat memberikan kerahan semangat dengan tidak di-sedari di-kalangan para ibu bapa dan pehak2 sekolah yang berkenaan.

Mendengar akan sikap yang demikian, kita yakin ia-nya telah dapat memberikan semangat lagi terhadap penganjor sekolah itu untuk terus berusaha, kerana dalam ucapan penganjor itu beliau sa-olah2 putus asa di-sebabkan kurangnya kerjasama dari ibu bapa2 yang berkenaan. Ucapan itu di-chetuskan ketika beliau menganjurkan sambutan awal tahun baharu Islam yang sangat meriah di-sekolah itu dalam minggu lepas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja mendengar akan kelelahan itu dan dengan sa-chara yang bijaksana beliau telah menaborkan penawar dalam majlis itu juga sambil meminta para ibu bapa di-situ supaya tidak meninggalkan penganjor itu sa-orang diri sahaja untuk memikirkan kepentingan pelajaran anak2 mereka.

Memang-lah tidak elok jika mereka hanya mengharapkan faedah tanpa sa-barang sumbangan, walau pun hanya sekadar menulong menggantikan tungkat yang patah.



PASOKAN Ketua2 Jabatan 'A' yang di-ketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan (gambar atas) dengan sa-kuat2 tenaga menarek tali dengan taktik yang terakhir untuk menewaskan lawan.

Pasokan Ketua2 Jabatan 'A' menjadi johan tarek tali

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pasokan Ketua2 Jabatan Kerajaan 'A' yang di-ketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menjadi johan dalam perlawanan tarek tali sa-chara kalah mati yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pagi minggu lalu.

Perlawanan itu di-selenggarakan oleh Persatuan PATUH dan sa-banyak 8 pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu sa-bagai merayakan lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei baru2 ini.

Keputusan perlawanan itu ada-lah seperti berikut: Pasokan Ketua2 Jabatan Kerajaan 'A' yang di-ketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah mengalahkan pasokan Cheteria2 'A'.

Pasokan Pehin2 'A' yang di-ketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Utama Awang Haji Abdul Rahman telah mengalahkan pasokan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong 'A'.

Pasokan Ketua2 dan Penghulu2 'B' yang di-ketuai oleh Pengiran Haji Buntar bin Pg. Sulaiman telah mengalahkan pasokan Cheteria2 'B'.

Pasokan Ketua2 Jabatan Kerajaan 'B' yang di-ketuai oleh P.M. Sharifuddin telah mengalahkan Pasokan Pehin2 'B'.

Perlawanan akhir, pasokan2 Ketua2 Jabatan Kerajaan 'A' telah mengalahkan pasokan Ketua2 Jabatan Kerajaan 'B'. Pasokan Ketua2 Jabatan Kerajaan 'B' telah menjadi naib johan.

Hadiah2 telah di-sampaikan

oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Peter Gautrey.

Di-antara Ketua2 Jabatan Kerajaan yang turut mengambil bahagian dalam perlawanan itu termasuk-lah Menteri Besar dan Setia Usaha Kerajaan.

Turut hadir menyaksikan perlawanan itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Pena-sehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa.

Penyemboran ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kaki tangan Projek Penghapusan Malaria akan menjalankan gerakan menyembor ubat DDT di-lima buah kampong di-Daerah Tutong dan tiga buah kampong di-Daerah Belait dalam bulan ini.

Dari 7hb. hingga 15hb. Mach, rombongan projek itu akan melawat ka-Daerah Tutong, untuk menyembor rumah2 di-kampong2 Merimbun, Ukong, Bukit Udal, Telamba dan Tumpuan Telisai.

Dari 16hb. hingga 29hb. Mach, kerja2 menyembor akan di-lakukan di-rumah2 di-Kampong Sungai Liang, Sungai Teraban "A" dan Sungai Teraban di-Daerah Belait.

Pepereksaan Sijil Perdagangan Malaysia dalam bulan Julai

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pepereksaan trengkas dan menaip perengkat permulaan.

Bekalan letrik di-perluas

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jabatan Letrik sedang menjalankan kerja meluaskan bekalan letrik ka-Kampong Puni dekat pekan Bangar Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, kerja2 mendirikan tiang2 kawat di-sepanjang jalan raya di-kawasan itu berjalan lancar, dan di-jadualkan siap tidak lama lagi.

Apabila siap nanti, ia-nya akan memberikan kemudahan bekalan letrik ka-Kampong Puni dan rumah2 di-sepanjang jalan itu.

menengah dan tertinggi dalam bahasa Melayu dan Inggeris akan di-adakan dalam bulan Julai dan Ogos tahun ini.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Pelajaran Bahagian Dewasa meminta kepada semua guru2 trengkas dan menaip supaya membuat persiapan2 yang perlu, bagi memilah penuntut2 yang akan mengambil pepereksaan tersebut.

Ini ada-lah kali pertama Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa mengelola kan bagi Pepereksaan Sijil Perdagangan Malaysia, sa-lain dari Pepereksaan Trengkas Melayu Institute Malaysia-Singapura.

Pepereksaan Ilmu Menyimpan Buku Kira2 perengkat permulaan menengah dan tertinggi aliran Inggeris juga akan di-adakan.

Persatuan Kg. Pandai Besi adakan sambutan awal Muharram

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu lagi majlis sambutan awal tahun baru Islam akan di-adakan di-Kampung Pandai Besi, Kampung Ayer pada hari Khamis ini mulai pukul 7.30 malam.

Majlis itu di-anjorkan oleh Persatuan Kampung Pandai Besi yang pada sa-belah siang ke-esokan hari-nya ia-itu hari Jumaat akan mengadakan mashuarat agong-nya yang kelima.

Dalam minggu lepas, majlis sambutan awal tahun baru Islam itu telah juga di-adakan di-Kampung Lurong Dalam yang berdekatan dengan kampung tersebut.

Majlis di-Kampung Pandai Besi itu juga akan mengadakan peraduan2 membaca kitab suci Al-Quran yang terbuka kepada orang2 dewasa dan kanak2 lelaki dan perempuan; dan peraduan bang atau azan terbuka kepada orang2 dewasa sama ada dari penduduk2 kampung atau ahli2 persatuan di-kampung itu.

Mashuarat Agong yang kelima bagi persatuan itu yang akan bermula pada pukul 9.00 pagi hari Jumaat ini, akan di-rasmikan pembukaannya oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja' Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, selaku Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Setia Usaha Agong Persatuan itu, Awangku Yusof bin Pengiran Anak Hashim menyeru ahli2 persatuan dan penduduk2 kampung tersebut supaya beramai2 menghadiri kedua2 majlis itu.



7,125 orang penuntut belajar di-kelas2 dewasa seluruh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa sa-takat ini telah mendaftarkan saramai 7,125 orang penuntut yang ingin menghadiri berbagai kelas dewasa di-seluruh negeri tahun ini.

Di-antara mata2 pelajaran yang di-ajarkan di-kelas2 itu ia-lah Bahasa Inggeris, membenteras buta huruf, sains urusan rumah tangga, trengkas, ilmu menyimpan kira2, musik, fotografi, bahasa2 Jepun, Pranchis, Hindi, China dan Bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu.

Sa-ramai 1,500 orang penuntut menghadiri kelas2 peringkat rendah, 1,525 menghadiri kelas2 bahasa Inggeris, dua ribu orang menghadiri kelas urusan rumah tangga dan sa-ribu sa-ratus orang menghadiri kelas2 pelajaran menengah dan lain2 kelas dewasa.

Lima buah lagi pusat urusan rumah tangga telah dibuka dalam bulan lepas.

Pusat2 itu ia-lah di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Sekolah Melayu Kati Mahar, Kampung Mungkum di-Kiudang, Kampung Burong Pinggai

Ayer dan di-Balai Pulis Diraja Bahagian Penchegah Rusohan di-Panaga, Seria.

Mereka yang ingin hendak menghadiri kelas2 itu masih lagi boleh mendaftarkan nama mereka di-Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa atau kepada penyelia2 sekolah dewasa.

Ahli2 J'kuasa Dermasiswa yg. baru

(Dari muka 1)

Ih di-beri bagi Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, kedua2-nya di-Bandar Seri Begawan dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Jawatankuasa itu juga berkewajipan untuk mengator semua pertukaran2 dan penerimaan masuk penuntut2 ka-bahagian2 permulaan dan pertengahan dari sekolah2 Inggeris Kerajaan.

Di-samping itu, mereka akan menjalankan pengkajian dari masa ka-masa akan keadaan2 yang mengawal pengurniaan Dermasiswa2 Kerajaan Brunei.

Keputusan peperiksaan HSC/STP

(Dari Muka 1)

ambil peperiksaan itu dan hanya 11 orang sahaja lulus dengan mendapat sijil penuh, 45 orang calon yang lain-nya mendapat Sijil Am Pelajaran dan sa-orang gagal dalam semua mata pelajaran.

Dari Sekolah St. Michael saramai lapan belas orang calon mengambil peperiksaan, tiga orang mendapat sijil penuh dan lima belas orang yang lain-nya mendapat Sijil Am Pelajaran.

jaran.

Semua tiga puluh dua orang calon dari Maktab Melayu Seri Begawan mendapat Sijil Am Pelajaran.

Dari enam puluh satu orang calon persendirian, dua lulus dengan mendapat sijil penuh, lima puluh empat mendapat Sijil Am Pelajaran dan lima orang tidak lulus.

(Keputusan2 penuh peperiksaan tersebut di-siarkan di-muka 2.)

PERLUMBAAN rentas desa bagi sekolah2 rendah Melayu di-Brunei III telah di-adakan di-sekolah Melayu Sultan Abdul Boin, Sungai Besar baru2 ini.

Perlumbaan tersebut ada-lah bagi memilih wakil ka-perengkat daerah. Dalam perlumbaan tersebut, Sekolah Melayu Datu Gandi telah berjaya menjadi johan.

Dalam gambar di-atas kelihatan wakil Sekolah Melayu Datu Gandi sedang menerima piala kemenangan mereka dari Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III, Awang Haji Mohd. Yassin bin Haji Metassim.

78 orang jemaah haji tiba pada 23hb. Mach

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 78 orang jemaah haji Brunei yang menunaikan fardhu haji ka-Mekah dengan kapal laut di-jadualkan sampai di-Labuan dengan kapal Malaysia Baru pada 23hb. Mach dalam perjalanan mereka pulang ka-tanah ayer.

Jemaah2 haji itu akan dibawa ka-Brunei dari Labuan dengan beberapa buah kapal kerajaan pada hari itu juga.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama Berkata, saudara mara dan sahabat handai jemaah2 haji itu tidak di-benarkan masuk ka-Dermaga Kastam Diraja Bandar Seri Begawan sa-masa ketibaan jemaah2 haji itu.

Sementara itu, pendaftaran orang2 Islam yang hendak menunaikan fardhu haji dengan kapal laut pada tahun hadapan akan di-terima mulai 13hb. Mach ini. Pendaftaran itu akan di-buka sa-hingga 27hb. Mei, 1972.

Borang2 permohonan sekarang boleh di-dapati dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan. Borang2 tersebut boleh juga di-dapati di-Pejabat2 Hal Ehwal Ugama di-Daerah2 Tutong, Belait, Temburong.

Aqurium Hassanal Bolkiah mulai di-buka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Aqurium Hassanal Bolkiah di-Komplek Bangunan Muzium Peringatan Churchill telah di-buka kepada orang ramai mulai dari hari Rabu, 1hb. Mach yang lalu.

Ia-nya akan terus di-buka pada tiap2 hari kecuali hari Isnin, dari jam 10.00 pagi hingga 12 tengah hari dan dari 2.00 petang hingga 8.00 malam.

Bayaran masuk ia-lah 30 sen bagi orang dewasa dan 20 sen bagi kanak2 yang berumur 16 tahun ka-bawah.

Anggota AMDB berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Isnin lepas untuk mengikuti satu kursus bahasa Inggeris sa-lama lima bulan.

Mereka itu ia-lah Kopral Yunos bin Lampai, Kopral Mahmud bin Haji Idris, Kopral Burut bin Haji Ismail, Lance Kopral Junaidi bin Hj. Sulong dan Pegawai Warant II Asmat bin Garing.

Pegawai Warant II Asmat juga akan mengikuti Kursus Latehan Semua Senjata di-Guard Depot.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Kerani Penjalan Mesin

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 perempuan yang terdiri raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Kerani Penjalan Mesin (punch) di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan (Bahagian Ekonomi), Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.) atau yang sebanding dengan nya.
- Chalon2 ada-lah di-kehendaki lulus dalam satu Ujian Kechendorongan (Aptitude Test) yang akan di-anjorkan oleh Bahagian Ekonomi dan Perangka'an, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.
- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja mesin punch tersebut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10 — 290x15-380 — 410x20 — 510/EB/540x20 — 660 sabulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 24hb. Mach, 1972.

Penjaga Malam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Penjaga Malam di-Jabatan Perikanan Negara, Brunei.

Umor:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 hingga 40.

Tugas2:

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari jam 5.00 petang hingga 7.00 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 — \$180x5-195.

Kelayakan2:

Hanya mereka2 yang tinggal berdekatan dengan kolam Ikan Sungai Jambu di-kehendaki memohon.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 18hb. Mach, 1972.

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bangsa Melayu, dan telah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut, dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalon2 hendak-lah boleh membacah dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan \$410x20-510/EB/540x20-660 atau dalam tingkatan \$710x30-950. Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk kekosongan2 yang berikut di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan dan di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait, Negeri Brunei.

a) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PERTUKANGAN KAYU:

Kelayakan2:

Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 80.

b) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PEMASANGAN BATA:

Kelayakan2:

Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 82.

c) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, MENCAT DAN MENGHIAS:

Kelayakan2:

Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 85.

d) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PEMASANGAN PAIP:

Kelayakan2:

Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 86 atau 819.

e) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, KERJA2 PROJEK:

(3 kekosongan) Bagi dua daripada jawatan2 ini chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Pertukangan C.G.L.I. (Pemasangan Bata) Kursus No. 82; untuk jawatan yang satu lagi chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Pertukangan (Pertukangan Kayu) Kursus No. 80.

f) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, KENDERAAN, BERMOTOR:

Kelayakan2:

Kursus C.G.L.I. No. 188, Kerja2 Mekanik Kenderaan Bermotor, bahagian 1 & 2 atau No. 170, kerja2 Technician Kenderaan Bermotor, bahagian 1 & 2 atau REME Artificer Vehicle Course.

g) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, WELDING & FABRICATION:

Kelayakan2:

Kursus City & Guilds No. 360 Fabrication Engineering Craft Practia Bahagian 1 & 2 atau No. 176 Fabrication of Steelwork Advanced, atau No. 323 Welding Craft Practice Bahagian 1 & 2 atau No. 74 Welding Advanced, atau No. 66 Sheet Metal Work Advanced.

h) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN MESEN:

Kelayakan2:

Mesti-lah mempunyai kelayakan yang di-iktiraf dalam kejuruteraan mekanikal atau Kursus City & Guilds No. 193 Bahagian 1 & 2. atau No. 393, Sijil Tahun Pertama dalam pertukangan Kejuruteraan.

i) PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PEMASANGAN LETRIK:

Kelayakan2:

Sijil City & Guilds Electrical Installation Technician atau "C" Certificate atau yang sa-banding.

Am:

Chalon2 untuk jawatan2 ini hendak-lah tamat lanchan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal, keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T7 — \$470x20-510x30 — 540x20-660x30-690x20

Kursus Pertanian di-Kolej Pertanian Malaya, 1972/73

Chalon2 yang dapat memenohi sharat2 dermasiswa Kerajaan Brunei ada-lah di-pelawa memohon untuk memasuki kursus Pertanian di-Kolej Pertanian Malaya bagi tahun Pengajian 1972/73.

1. Untuk di-pertimbangkan masuk ka- KURSUS DIPLOMA PERTANIAN (3 tahun).

(a) Sa-seorang chalon mesti-lah mempunyai kelulusan Pangkat I atau II, Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat keputusan2 di-dalam peperiksaan:

- Kepujian dalam Bahasa Melayu
- Lulus dalam Bahasa Inggeris
- Kepujian dalam Ilmu Hisab
- Lulus dalam Sains Am

A T A U

(b) Mempunyai kelulusan dalam peperiksaan yang sama taraf-nya atau pun lebih tinggi sa-bagaimana yang di-se-

710x30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang dilantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubuan sa-lama enam bulan, dan kontrek boleh di-baharu dengan persetujuan bersama. Bagi chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 18hb. Mach, 1972.

butkan dalam sharat (a) di-atas yang di-akui oleh Lembaga Pengajian, Kolej Pertanian Malaya.

(c) Berumur tidak kurang dari 17 tahun

2. Untuk di-pertimbangkan masuk ka- KURSUS PENDAHULUAN (1 tahun)

(a) Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Persekolahan Cambridge serta mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan/atau lulus dalam Bahasa Inggeris.

(b) Mesti-lah berumur tidak kurang dari 16 tahun.

Sa-telah tamat dengan jawanya di-dalam Kursus Pendahuluan ini, penuntut2 akan melanjutkan pelajaran-nya ka-Tahun Pertama Kursus Diploma Pertanian.

3. Chalon2 mesti-lah di-akui sehat oleh doktor untuk mengikut kursus Pertanian.

4. Borang permohonan dan lain2 perkara yang berkaitan boleh di-dapati daripada Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Ibu Pejabat, Jabatan Pelajaran, Brunei.

5. Tarikh tutup bagi penerimaan permohonan ia-lah 10 hari sa-lepas pengumuman resmi keputusan peperiksaan SPM/MCE tahun 1971 yang akan di-ketahui tidak lama lagi. Permohonan2 yang lewat tidak akan di-layan.

6. Chalon2 yang layak akan di-tapis (shortlisted) terlebih dahulu oleh pihak berkuasa kolej sa-lepas itu baru-lah di-panggil untuk di-temu duga pada suatu masa yang akan di-beritahu kelak.

(Hamdani Haji Abd. Rahman),
b/p. Pengarah Pelajaran, Brunei.

bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman bagi pemohon2 yang berjaya.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan. Bagi chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang dilantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap

berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 23hb. Mach, 1972.



Pembinaan dua buah balai pulis Tutong dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembinaan dua buah balai pulis di-Pekan Tutong dan Muara di-jadualkan akan siap dalam bulan April dan Disember tahun ini.

Kerja pembinaan balai pulis di-Pekan Tutong itu menelan belanja sa-banyak \$482,000.00.

Perbelanjaan itu termasuk pembinaan rumah2 berek bagi enam belas orang anggota pulis yang sudah berkahwin, rumah2 berek bagi orang2 bujang, tempat2 menyimpan kereta, kerja2 tambahan termasuk persiapan tapak.

Di-Muara, kompleks balai pulis itu antara lain akan mengandungi rumah2 berek bagi tiga puluh dan orang anggota2 yang sudah berkahwin.

Rumah2 berek itu akan dibina dalam dua buah flat dua tingkat.

Jumlah perbelanjaan bagi pembinaan kompleks itu ia-lah \$656,000.00.

Perlawanan bola sepak terbuka kepada kelab2, persatuan2 belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei akan meng-en'orkan perlawanan bola sepak terbuka kepada semua persatuan2 belia, kelab, sharikat2 perniagaan dan pejabat2 kerajaan di-seluruh negeri.

Perlawanan sa-chara kalah mati itu akan di-jalankan dalam bulan ini dan April hadapan untuk memilih johan bagi mewakili Daerah2 Brunei/Muara, Belait, Tutong dan Temburong ka-perlawanan akhir peringkat seluruh negeri yang akan di-adakan dalam

SATU rombongan yang mengandungi 13 orang ahli Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei yang diketuai oleh Dayang Rogayah binte Abdul Rahman telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama sa-minggu ka-Kota Kinabalu pada bulan lepas.

Mereka ada-lah sa-bagai tetamu kepada Persatuan Belia Kebangsaan Sabah.

Sa-masa berada di-sana, enam orang dari mereka telah berjaya mendaki Gunung Kinabalu.

Mereka ia-lah Mariam bte. Haji Ali, Hamidah bte. Ahmad, Rubiah bte. Puteh, Rajender Kaur, Normah bte. Abd. Hamid dan Norsiah bte. Haji Abd. Rahim (gambar atas).

PULANG SA-TELAH BERKURSUS DI-N. Z.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang jururawat gigi dari Rumah Sakit Besar Brunei, Dayang Lena Leong Yin Shin telah pulang ka-Brunei sa-lepas menjalani satu latihan lanjutan sa-bagai penyelia jururawat gigi di-New Zealand.

Dayang Leong telah menghadiri kursus itu di-Bahagian Kesihatan Gigi di-Sekolah bagi Jururawat2 Gigi di-Auckland.

bulan Mei dan Jun.

Pasokan2 yang menyertai perlawanan itu akan menjadi Badan Bergabung kepada Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei dengan di-kenakan bayaran pendaftaran sa-banyak \$25.00 dan yuran tahunan sa-banyak \$10.00.

Pendaftaran menyertai perlawanan bagi merebut Piala hadiah Sharikat Glamour telah di-tutup pada 2 Mach dan pendaftaran bagi merebut sa-buah Oskar hadiah dari Orang2 Pénchen akan di-tutup pada 29 April.

Meshuarat agong PERANGKAB Pada 10 Mach

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas akan mengadakan meshuarat agong tahunan di-rumah persatuan itu pada hari Jumaat 10 Mach, jam 8.00 pagi.

Majlis meshuarat itu akan di-rasmikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri.

Sa-orang pegawai dari Majlis Belia2 Negeri akan memberikan satu cheramah khas di-upacara pembukaan rasmi meshuarat itu.

Menurut Setia Usaha Agong persatuan itu, Awang Abdul Rahman bin Mohamed Yusof, berkata perkara2 yang akan di-bincangkan termasuk ker-tas2 kerja dan pemilihan pegawai2 baru bagi tahun 1972/73. Ahli2 persatuan itu telah diminta menghadiri majlis meshuarat itu.

Sementara pada 9 Mach persatuan itu akan menyambut awal Muharram dengan mengadakan persembahan2 berchorak Ugama di-rumah persatuan itu mulai jam 8.00 malam.

Acharya2 termasuk per-aduan membaca Quran dan sajak terbuka kepada ahli2nya dan penduduk2 di-Kampung Burong Pingai Baru, Berakas.

Sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama akan memberikan cheramah mengenai tahun baru Islam itu.

Kerja membuboh ubat selesai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaki-tangan Projek Penghapusan Malaria telah selesai menjalankan kerja pusingan kedua membuboh ubat Abate di-rumah2 dari nombor satu hingga 30 kampung Ujong Tanjung, di-Kampung Ayer.

Gerakkan pertama membuboh ubat tersebut di-kampung itu telah di-lakukan bulan November lalu.

Enam puluh buah rumah kedai di-Kuala Belait yang menerima ubat itu bulan November lalu, juga menerima ubat Abate pusingan kedua.

Hampir2 \$25 ribu di-kutip untok Rumah Orang2 Tua

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah mengutip sa-banyak \$24,600.00 sa-bagai derma dari orang ramai di-seluruh negeri.

Ini-nya ada-lah jumlah yang paling besar pernah di-kutip oleh majlis tersebut bagi Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Pechahan bagi sumbangan itu ia-lah \$11,300.00 di-Bandar Seri Begawan, \$7,800.00 di-Seria, \$4,700.00 di-Pekan Belait dan \$780.00 di-Tutong.

Kutipan tahun lepas ia-lah \$24,150.00.

Pemangku Pengerusi majlis itu, Awang J.C. Harper telah menguchapkan terima kaseh atas sumbangan mereka kepada tabung itu untuk menyambut Tahun Baru China.

Beliau berkata, wang itu ada-lah bagi menyelenggara-rumahnya itu.

Majlis itu juga telah mengadakan, jualan aneka barang2 dalam bulan lepas di-Dewan Kemasyarakatan di-Kuala Belait untok mengutip derma bagi melaksanakan projek2 majlis itu yang mana termasuk penyelenggaraan rumah itu. (Gambar bawah).

Hasil dari jualan pada hari itu ia-lah sa-banyak \$734.00.



Ahli2 Lembaga Tawaran 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Enam orang pegawai kanan Kerajaan dan sa-orang pegawai Bank dari Bandar Seri Begawan telah di-lantek menjadi ahli dalam Lembaga Tawaran Brunei bagi tahun 1972.

Warta Kerajaan menyatakan bahawa lantekan itu termasuk sa-orang yang menjadi pengurus lembaga tersebut.

Beliau ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khanah Negara Diraja, Dato Seri Utama Awang John Lee, Pegawai Kewangan Negara Brunei.

Lima orang pegawai kanan Kerajaan yang lain yang menjadi ahli dalam lembaga tersebut ia-lah Yang Amat Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pegawai Daerah Belait; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Aahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Yang Mulia Dato Paduka Awang Matnor McAfee, Pemangku Timbalan Pengawal Imigresen, Brunei dan Yang Mulia Dato R. Waddell, Pengarah Kerja Raya Brunei.

Pegawai Bank yang di-lantek menjadi ahli dalam lembaga itu ia-lah Yang Mulia Awang D.R. Fulton, Pengerusi Chartered Bank, Bandar Seri Begawan.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Peluang melanjutkan pelajaran ka-universiti2 seberang laut

CHALUN2 yang mempunyai keraayatan Brunei serta dapat memenuhi syarat2 Dermasiswa Kerajaan Brunei ada-lah di-pe-lawa memohon untuk mendapat Dermasiswa Kerajaan bagi melanjutkan pelajaran di-universiti2 seberang laut bagi Tahun Pengajian 1972/1973.

Chalun2 mesti-lah telah lulus dalam sekali peperiksaan

Lumba perahu

(Dari muka 1)

lumbaan itu dan telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam acara perlumbaan perahu berkayoh 15 orang terbuka kepada jabatan2 kerajaan.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Peter Gautrey telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam lain2 acara.

Sa-banyak empat belas acara, sembilan bagi perahu sa-orang, sa-puluh; lima belas dan dua puluh orang dan lima acara moto-sangkut.

USAHA2 MENINGGIKAN SHI'AR ISLAM DI-ALU2KAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain memuji dan mengalu2kan sa-tengah2 Umat Islam yang sentiasa berusaha untuk meninggikan shi'ar Islam di-negeri ini.

Untuk orang2 yang sa-um-pama ini, kata-nya, maka Jabatan Hal-Ehwal Ugama tidak akan ragu2 untuk memberikan sa-barang bantuan yang dikehendaki yang di-fikirkan munasabah.

Beruchap di-sambutan Awal Muharram di-Sekolah Ugama Kampong Lurong Dalam dibawah anjoran Awang Haji Abu Bakar bin Hashim pada minggu lalu, beliau menyatakan rasa terharunya atas sikap penganjor itu yang telah mengorbankan tenaga dan wang ringgitnya kerana tujuan meninggikan shi'ar Islam itu.

Sekolah Ugama Kampong Lurong Dalam, kata-nya, terbokti telah mencapai kemajuan yang pesat dan menyeru ibu bapa dan penduduk2 kampung itu supaya memberi sukongan yang kuat lagi untuk membiakan bangunan yang terletak di-Kampung ayer itu.

Beliau menjelaskan bahawa peralatan2 sekolah yang dipinta seperti tambahan kerusi meja dan lain2-nya akan dihantar ka-situ dalam sedikit masa lagi.

Di-samping itu, beliau menyeru pihak2 sekolah Ugama di-negeri ini supaya tidak ragu2 pada mendapatkan sa-barang kemuskilan kepada Nazir2 Lawatan atau pun Nazir2 Pentadbiran di-pejabat beliau.

Untuk melicinkan perjalanan sekolah2 Ugama di-negeri ini beliau telah pun mengahut tugas2 Nazir yang terbahagi kepada Nazir2 Pentadbiran dan Nazir2 Lawatan. Nazir2 lawatan hanya bertugas untuk melawat dan melaporkan hasil2 lawatan itu, sementara Nazir2 Pentadbiran hanya bertugas di-Pejabat bagi melaksanakan tugas2 pembiasaan pentadbiran sekolah2.

Sementara itu, menurut Guru Besar Sekolah itu, Raja Abdullah bahawa sejak penubuhan-nya, sekolah itu pada masa ini telah mempunyai murid sa-ramai kira2 600 orang yang meliputi dari Darjah Satu hingga Enam.

Kemajuan pelajaran, kata-nya, ada-lah menggalakkan dan meminta ibu bapa di-situ supaya melipat-gandakan usaha untuk membaiki keadaan bangunan sekolah.

Dalam ucapan-nya, Penganjor majlis itu, menyatakan ikrar-nya untuk terus-menerus menyumbangkan jasa-nya bagi menanamkan semangat beragama di-kalangan penduduk2 Kampung Ayer.

Murid2 yang terdapat di-sekolah itu ada-lah datang-nya dari beberapa buah kampung, dari Kampong Saba hingga ka-Burong Pinggai dan dari Sungai Kebun menyeberang ka-Tamoi.

Awang Haji Abu Bakar meminta ibu bapa yang berkenaan supaya menyedari kedudukan kepentingan masa depan anak2 mereka dan melaksanakan usaha2 yang wajar dari sekarang.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Nazir Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara yang memuji kemajuan sekolah itu dan membayangkan perkembangan masa depan-nya yang cerah.

Dalam sambutan itu, beberapa peraduan yang terbuka kepada penduduk2 kampung dan pelajar2 sekolah itu telah di-adakan.

AHLI2 LEMBAGA PENGELUAR LISEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah melantek enam orang untuk menjadi ahli dalam Lembaga Pengeluaran Lisen Kenderaan Bermotor, Brunei buat tempoh tiga tahun mulai dari 1 Januari yang lalu.

Warta Kerajaan yang di-terbitkan baru2 ini menyatakan baha ahli2 lembaga itu ada-lah terdiri dari sa-orang ahli rasmi dan lima orang ahli yang di-lantek.

Ahli rasmi itu ia-lah Yang Mulia Dato Paduka Awang R. Waddell, Pengarah Kerja Raya atau wakil beliau.

Lima orang ahli yang di-lantek itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang

Salleh bin Haji Masri; Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohd. Salleh; Yang Berhormat Awang Haji Abu Hanifah bin Mohd. Said; dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir.

Empat Pegawai AMDB naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. Empat orang pegawai Askar Melayu Diraja Brunei yang terdiri dari bumiputera Brunei telah menerima kenaikan pangkat masing2 mulai bulan Januari lepas.

BO/2 Major Dato Paduka Mohammad bin Haji Daud dan BO/3 Major Dato Seri Laila Jasa Pengiran Ibnu bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong telah di-naikkan ka-pangkat Substantive

Major mulai 1 Januari lepas.

Dua orang pegawai waran pasokan itu telah di-tauliahkan ka-pangkat Lieutenant (QM) tauliah tetap mulai 3 Januari, 1972.

Mereka itu ia-lah B/3241 Pengiran Jaludin b'n Pengiran Mustaffa dan B/3029 Pengiran Momin bin Pengiran Tajudin.

Pengsahan kenaikan pangkat itu telah di-siarkan dalam Warta Kerajaan yang di-terbitkan baru2 ini.